A

KERAJAAN MALAYSIA

lwn.

SARATOGOA SDN BHD

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[GUAMAN NO: S2-21-162-2003]
10 JULY 2006

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Penghakiman - Penghakiman terus - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 - Rayuan terhadap penghakiman terus - Sama ada notis taksiran diserah kepada defendan - Sama ada plaintif membuktikan kes prima facie terhadap defendan - Sama ada defendan mempunyai pembelaan bermerit - Akta Cukai*
D *Pendapatan, ss. 99, 103, 106, 145(2)*

UNDANG-UNDANG HASIL: *Cukai pendapatan - Tuntutan - Tuntutan bayaran cukai belum dibayar - Isu-isu - Sama ada notis taksiran diserah kepada defendan - Sama ada plaintif membuktikan kes*
E *prima facie terhadap defendan - Sama ada defendan mempunyai pembelaan bermerit - Akta Cukai Pendapatan, ss. 99, 103, 106, 145(2)*

Suatu notis rayuan (lampiran 20) telah difailkan oleh defendan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar (PKP) yang telah memberi penghakiman terus dan muktamad ekoran permohonan
F plaintif (lampiran 6) di bawah peruntukan A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Dalam permohonan di lampiran 6 plaintif memohon penghakiman sebanyak RM2,684,524.03 termasuk 10% dan 5 % yang dikenakan di bawah s. 103(4) dan 103(5A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta). Jumlah yang
G dituntut adalah bagi bayaran cukai yang belum berbayar bagi tahun taksiran 1999. Isu-isu yang timbul adalah: (1) sama ada notis taksiran tidak diserah kepada defendan dan (2) sama ada plaintif berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap defendan.

H **Diputuskan (menolak lampiran 20 dengan kos):**

(1) Notis taksiran dihantar ke alamat yang telah diberikan oleh defendan sendiri di dalam Borang Retan yang dikembalikan oleh defendan. Oleh itu, notis taksiran 1999 itu dihantar ke
I alamat terakhir dan ini sudah mencukupi untuk mematuhi peruntukan s. 145(2) Akta. Dakwaan defendan bahawa mereka tidak menerima notis taksiran adalah tidak berasas. (perenggan 17)

(2) Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh defendan telah dijawab satu persatu dalam hujah bertulis plaintif dan mahkamah akur dengan hujahan pihak plaintif. Plaintif telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap defendan. Jika plaintif gagal mengeksibitkan sijil perakuan (eks. SE-3) ia tidak memprejudiskan permohonan plaintif untuk penghakiman terus kerana peruntukan-peruntukan ss. 99, 103 dan 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah jelas menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan bermerit dalam kes pemungutan cukai. Defendan gagal membangkitkan apa-apa isu yang perlu dibicarakan. (perenggan 27 & 28)

Kes-kes yang dirujuk:

Kerajaan Malaysia lwn. Dato' Hj Ghani Gilong [1995] 3 CLJ 161 FC ***(dirujuk)***

Shek Kwok Bun, Alexandar John v. Government of Malaysia (Civil Appal No: 12-36-2000-111(11)) (Unreported) ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Income Tax Act 1967, ss. 96(4)(c)(i)(ii), (iii), 99, 103(4), (5A), (6), (7), (8), 136(4), 106, 142(1), 145(1), (2)(c), (3), (4)

Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif - Lembaga Hasil Dalam Negeri
Bagi pihak defendan - T/n Dennis Nik & Wong

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Pada 15 November 2005 saya telah menolak Lampiran 20 dengan kos. Lampiran 20 ialah suatu notis rayuan defendan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) yang telah memberi penghakiman terus dan muktamad ekoran permohonan plaintif (lampiran 6) di bawah peruntukan A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT).

[2] Dalam permohonan di Lampiran 6 plaintif memohon penghakiman sebanyak RM2,684,524.03 termasuk 10% dan 5% yang dikenakan di bawah s. 103(4) dan 103(5A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta). Jumlah yang dituntut adalah bagi bayaran cukai yang belum berbayar bagi tahun taksiran 1999.

[3] Defendan tidak menafikan gagal membuat bayaran tetapi membangkit pembelaan seperti berikut:

(i) Notis Taksiran bagi tahun Taksiran 1999 tidak diserah kepada defendan;

(ii) Notis tersebut cacat kerana gagal mematuhi peruntukan s. 96(4)(c)(i)(ii) dan (iii) Akta;

(iii) Sijil yang dikeluarkan di bawah s. 142 Akta tidak memadai untuk mendapat penghakiman terus terhadap defendan.

[4] Kes plaintif adalah seperti terkandung dalam affidavit sokongan plaintif di Lampiran 5. Antara alasan plaintif ialah seperti berikut:

1. Responden merupakan pegawai yang bertanggungjawab berkenaan dengan pungutan cukai defendan.

2. Notis Taksiran Tahun 1999 telah dikeluarkan pada 26 Ogos 1999 berjumlah RM2,402,323.84 – salinan notis tersebut eks. SE1.

3. Notis Taksiran telah diposkan kepada defendan berpandukan kepada alamat defendan pada masa itu iaitu Level 10, Grand Seasons, No. 72 Jalan Pahang, Kuala Lumpur.

4. Alamat tersebut merupakan alamat surat menyurat syarikat defendan seperti yang dinyatakan di dalam Borang Retan defendan bagi tahun 1999 – Borang Retan eks. SE2.

5. Notis Taksiran tidak pernah dikembalikan kepada plaintif tanpa serahan dan telah dianggap diserahkan kepada defendan menurut peruntukan s. 145(1) Akta Cukai Pendapatan.

6. Defendan telah dimaklumkan dengan taksiran dan jumlah yang perlu dibayar bersama dengan kenaikan di bawah s. 103(4) dan 103(5A) Akta yang sama.

7. Defendan telah memaklumkan dengan hak untuk merayu di bawah s. 99 Akta kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

8. Defendan telah gagal membayar cukai di dalam masa yang ditetapkan dan di bawah kuasa s.103(4) dan 103(5A) Akta tersebut kendaikan 10% dan 5% akan dikenakan.

9. Baki yang dituntut selepas kenaikan ialah RM2,68.524.03. A

10. Plaintif telah membuat tuntutan untuk cukai dan kenaikan itu tetapi defendan gagal membuat bayaran dan jumlah tersebut masih terhutang.

11. Di dalam menjalankan kuasa di bawah s. 142(1) Akta, penolong pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri telah mengeluarkan satu perakuan yang memberikan nama dan alamat defendan serta amaun cukai yang genap masanya untuk dibayar dan perakuan tersebut menjadi keterangan yang mencukupi untuk memberi penghakiman untuk jumlah yang dituntut. Perakuan tersebut eks. SE3. B C

12. Plaintif adalah agen Kerajaan Malaysia untuk mentadbir dan menguatkuasakan pembayaran cukai. Oleh itu tuntutan hendaklah dimulakan atas nama atau terhadap Kerajaan Malaysia. D

13. Eksibit SE4 ialah carian rasmi mengenai syarikat defendan.

14. Kelewatan membuat permohonan ini disebabkan plaintif terpaksa mengumpul dokumen dan maklumat tambahan. E

[5] Defendan menentang permohonan plaintif dan alasan-alasan diberi dalam afidavit pihak defendan (Lampiran 12) diikrarkan oleh Chan Mei Fong pengarah kewangan syarikat defendan. Berikut adalah alasan-alasan yang diberi: F

1. Notis Taksiran Tahun 1999 bertarikh 26 Ogos 1999 tidak diterima oleh defendan dan plaintif telah gagal dan cuai mengemukakan bukti mengepos bahawa notis tersebut sebenarnya telah diposkan kepada defendan. G

2. Alamat di dalam Borang Retan defendan bagi tahun taksiran 1999 bukan alamat defendan.

3. Notis Taksiran tidak boleh disifatkan telah diserahkan kepada defendan menurut peruntukan s. 145(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 atas alasan bahawa alamat tersebut bukan alamat defendan. H

4. Defendan dengan ini tidak dimaklumkan berkenaan jumlah pendapatan yang dikenakan cukai, kenaikan yang dikenakan dan juga hak untuk merayu. I

A 5. Plaintif telah gagal memberikan butiran mengenai cukai yang dikenakan.

6. Di dalam eks. SE3 tidak dinyatakan Penolong Pengarah mengeluarkan perakuan tersebut bagi pihak Ketua Pengarah
B Hasil Dalam Negeri.

[6] Sebagai balasan kepada Lampiran 12 plaintif melalui affidavit (Lampiran 17) yang diikrarkan oleh Jamilah bt Mohamed Esa, Penaksir Kanan yang berkhidmat di Unit Guaman Sivil, Cawangan
C Pungutan LHDN antara lain menyatakan:

1. Defendan telah menerima Notis Taksiran 1999 yang dikeluarkan pada 26 Ogos 1999 dan ini terbukti melalui surat bertarikh 30 Disember 2002 yang dikemukakan oleh agen cukai defendan ke pejabat plaintif untuk merayu terhadap cukai
D bagi tahun taksiran 1997-2002.

2. Surat rayuan tersebut ialah eks. JME1.

[7] Sebagai membalas Lampiran 17 afidavit defendan (Lampiran
E 18) diikrarkan oleh Jeyapalan TS Mahesan, penasihat Undang-undang Kumpulan kepada syarikat defendan, antara lain menyatakan:

1. Eksibit JBM1 dikeluarkan oleh defendan sendiri dan bukan agen cukai defendan.
F

2. Eksibit JBM1 bukan bukti yang plaintif telah menyerahkan notis taksiran dan defendan telah menerima notis tersebut.

3. JBM1 ialah hasrat defendan untuk membuat rayuan bagi tahun-tahun taksiran 1997 sehingga 2002 tanpa merujuk
G kepada Notis Taksiran plaintif dan ianya tidak merujuk kepada Notis Taksiran 1999.

4. Isu penyampaian Notis Taksiran melalui pos oleh plaintif telah dibangkitkan di dalam kes MTKL No. 21-88-2003 di mana
H rayuan defendan telah dibenarkan dengan kos oleh hakim – salinan deraf perintah yang diluluskan oleh pihak-pihak eks. JM1.

5. Defendan mempunyai pembelaan bermerit di dalam tindakan
I ini.

[8] Tuntuan plaintif di dalam tindakan ini berasaskan Notis Taksiran 1999. Plaintif mendakwa Notis Taksiran 1999 tersebut telah dihantar kepada defendan dan tidak dikembalikan. Oleh itu defendan dianggap telah menerima Notis Taksiran tersebut.

[9] Defendan pula menyatakan bahawa pihaknya tidak menerima Notis Taksiran tersebut dan didalam keadaan tersebut tiada tuntutan yang sah terhadap defendan. Defendan mendakwa plaintif gagal mengemukakan bukti pengeposan untuk menunjukkan Notis Taksiran 1999 telah dihantar.

[10] Dalam membalas dakwaan defendan, plaintif mengemukakan surat rayuan daripada defendan bertarikh 30 Disember 2002. Pihak plaintif menegaskan bahawa surat rayuan tersebut adalah suatu bukti defendan telah menerima Notis Taksiran 1999 yang telah dihantar.

[11] Melalui afidivit sokongan di kandungan 5 plaintif bersandarkan kepada peruntukan s. 145(1) Akta Cukai Pendapatan dimana penyerahan secara pos dianggap penyerahan yang sempurna.

[12] Defendan di dalam tindakan ini mendakwa oleh kerana tiada surat akuan pos ia menunjukkan plaintif gagal mengemukakan bukti bahawa Notis Taksiran 1999 telah dihantar.

[13] Jika dilihat kepada peruntukan s. 145(1) Akta, notis boleh dihantar melalui serahan;

1. serahan secara kediri
2. serahan secara pos biasa
3. serahan secara pos berdaftar.

[14] Jika serahan dibuat secara serahan pos biasa s. 145(2) Akta terpakai.

[15] Jika serahan dibuat secara pos berdaftar s. 145(3) dan (4) Akta terpakai.

[16] Di dalam Lampiran 5 plaintif menyatakan bahawa serahan dibuat secara pos biasa. Oleh itu s. 145(2) Akta terpakai. Mengikut seksyen berkenaan serahan dianggap sempurna jika (dengan izin dalam bahasa asal);

(a) in the case of a company, partnership or body of persons having a registered office in Malaysia –

(i) to that registered office;

(ii) to its last known address; or

(iii) to any person authorized by it to accept service of process:

(b) in the case of a company, partnership or body of persons not having a registered office in Malaysia –

(i) to any registered office of the company, partnership or body (wherever that office may be situated);

(ii) to the principal place of business or other activity of the company, partnership or body (wherever that place may be situated); or

(iii) to any individual authorized (by or under the law of any place where the company, partnership or body is incorporated, registered or established) to accept service of process; and

(c) in the case of an individual, to his last known address.

[17] Di dalam tindakan ini Notis Taksiran dihantar ke alamat Level 10 Grand Season No 72, Jalan Pahang Kuala Lumpur sebagaimana alamat yang tertera di dalam eks. SE2. Alamat tersebut diberikan oleh defendan sendiri di dalam Borang Retan yang dikembalikan oleh defendan. Oleh itu Notis Taksiran 1999 itu dihantar ke alamat terakhir (last known address) dan ini sudah mencukupi untuk mematuhi peruntukan s. 145(2) Akta. Pada pendapat saya berdasarkan keterangan di atas dakwaan defendan bahawa mereka tidak menerima Notis Taksiran adalah tidak berasas.

[18] Defendan juga menyatakan bahawa tiada butiran mengenai bagaimana jumlah cukai tersebut dikenakan. Mengenai isu ini plaintif bergantung kepada s. 106 Akta yang memperuntukkan bahawa (dalam bahasa asal);

Recovery by suit

(1) Tax due and payable may be recovered by the Government by civil proceedings as a debt due to the Government.

(2) The Director General and all authorized officers shall be deemed to the public officers authorized by the Minister under s. 25(1) of the Government Proceedings Ordinance, 1956, in respect of all proceedings under this section.

(3) In any proceedings under this section the court shall not entertain any plea that the amount of tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under s. 103(3), (4), (5), (6), (7) or (8).

[19] Oleh yang demikian defendan tidak boleh mempertikaikan jumlah yang ditaksirkan. Apa yang perlu dilakukan oleh defendan ialah membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai di bawah peruntukan s. 99 Akta.

[20] Seksyen 99 berbunyi sebegini (dalam bahasa asal)

Right of appeal

(1) A person aggrieved by an assessment made in respect of him may appeal to the Special Commissioners against the assessment by giving to the Director General within thirty days after the service of the notice of assessment or, in the case of an appeal against an assessment made under s. 92, within the first three months of the year of assessment following the year of assessment for which the assessment was made (or within such extended period as regards those days or months as may be allowed under s. 100) a written notice of appeal in the prescribed form stating the grounds of appeal and containing such other particulars as may be required by that form.

[21] Hanya Pesuruhjaya Cukai sahaja yang boleh menimbang rayuan defendan berkenaan dengan cukai yang dikenakan.

[22] Defendan juga membangkitkan pembelaan bahawa Penolong Pengarah yang mengeluarkan perakuan di bawah s. 142(1) Akta tidak menyatakan beliau bertindak bagi pihak Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Di dalam eks. SE3 Hassim b Shafiai Penolong Pengarah Kanan LHDN menyatakan seperti berikut:

A Menurut kuasa yang diberikan oleh S136(4) dan pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142(1) Akta Cukai Pendapatan 1967, saya Hassim b. Shafiai, Penolong Pengarah Kanan ... Mengesahkan bahawa cukai pendapatan ... Perlu dibayar oleh Saratogoa Sdn Bhd ...

B **[23]** Seksyen 136(4) Akta merupakan peruntukan perwakilan kuasa yang diberikan kepada penolong pengarah dimana pegawai tersebut diberi kuasa untuk menjalankan kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri termasuklah untuk mengeluarkan sijil perakuan di bawah s. 142(1) Akta. Atas persoalan berkenaan
C kuasa penolong pengarah mengeluarkan perakuan, peguam defendan dalam hujah bertulisnya membangkitkan 3 persoalan pokok untuk menafikankan hak plaintif mendapat suatu perintah penghakiman terus. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan beliau ialah:

D

(i) Tiada bukti pengeposan Notis Taksiran Cukai Tahun 1999 oleh demikian defendan tidak pernah menerima notis tersebut.

(ii) Notis tersebut cacat kerana tidak mematuhi peruntukan
E s. 96(4)(c)(i), (ii) dan (iii) Akta dan

(iii) Jumlah cukai dipertikaikan dan sijil perakuan eks. SE3 Lampiran 5 tidak boleh disandarkan untuk mendapat penghakiman terus atas jumlah yang dipohon.

F **[24]** Persoalan yang dibangkitkan oleh peguam defendan telah dijawab satu persatu dalam hujah bertulis oleh peguam plaintif dan saya akur dengan hujahan pihak plaintif.

[25] Oleh kerana notis tersebut telah dipos biasa ke alamat
G terakhir defendan maka ia sudah memadai. Ini adalah selaras dengan peruntukan s. 145(2)(c) Akta (sila lihat kes *Shek Kwok Bun, Alexandar John v. Government of Malaysia* High Court in Sabah and Sarawak at Kuching Civil Appeal No. 12-36-2000-111(11).)

H **[26]** Notis taksiran dan Borang C tahun Taksiran 1999 eks. SE2 telah dihantar melalui pos biasa dan telah dikemukakan ke mahkamah. Hasil penerimaan SE2 tersebut defendan telah membuat rayuan melalui surat eks. JME1.

[27] Setelah meneliti keseluruhan keterangan daripada affidavit
I kedua-dua pihak dan dibantu hujah bertulis peguam masing-masing saya dapati plaintif telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap defendan. Saya bersetuju dengan hujah peguam plaintif

bahawa jika plaintif gagal mengeksibitkan sijil perakuan (eks. SE3) ia tidak memprejudiskan permohonan plaintif untuk penghakiman terus kerana peruntukan ss. 99, 103, dan 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah jelas menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan bermerit dalam kes pemungutan cukai (sila lihat kes *Kerajaan Malaysia lwn. Dato' Haji Ghani Gilong* [1995] 3 CLJ 161).

[28] Didalam keadaan-keadaan tersebut di atas pada pertimbangan saya plaintif telah berjaya menunjukkan kes *prima facie* dan defendan gagal membangkitkan apa-apa isu yang perlu dibicarakan. Oleh yang demikian rayuan defendan melalui Lampiran 20 wajar ditolak dengan kos.